



19 April 2017  
19 April 2017  
P.U. (A) 128

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT  
MALAYSIA (ASAS PEMASTIAN AMAUN PEMULANGAN  
BAGI SUMBANGAN TAKAFUL DAN PREMIUM) 2017

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (BASIS OF  
ASCERTAINING THE AMOUNT OF REFUND FOR TAKAFUL  
CONTRIBUTION AND PREMIUM) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

**AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011**

**PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA  
(ASAS PEMASTIAN AMAUN PEMULANGAN BAGI SUMBANGAN  
TAKAFUL DAN PREMIUM) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subperenggan 83(2)(a) dan 83(3)(a) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Asas Pemastian Amaun Pemulangan bagi Sumbangan Takaful dan Premium) 2017.**
  
- (2) Perintah ini berkuat kuasa pada 20 April 2017.

**Pemulangan sumbangan takaful**

2. Jika suatu sijil takaful am terhenti daripada berkuat kuasa di bawah subseksyen 83(1) Akta, pemunya sijil takaful am adalah layak untuk menuntut sebagai hutang yang kena dibayar kepadanya oleh anggota penanggung insurans disebabkan oleh sijil takaful am itu pemulangan sebahagian daripada sumbangan takaful yang sepadan dengan baki tempoh sijil takaful am itu berdasarkan amaun prorata sumbangan takaful langsung kasar pemunya sijil takaful am itu yang berkaitan dengan tempoh mulai pada tarikh perintah penggulungan dan berakhir pada tarikh sijil takaful am itu sepatutnya tamat mengikut termanya sendiri.

**Pemulangan premium**

3. Jika suatu polisi am terhenti daripada berkuat kuasa di bawah subseksyen 83(1) Akta, pemunya polisi am adalah layak untuk menuntut sebagai hutang yang kena dibayar kepadanya oleh anggota penanggung insurans disebabkan oleh polisi am itu pemulangan sebahagian daripada premium yang sepadan dengan baki tempoh polisi am itu berdasarkan amaun prorata premium langsung kasar pemunya polisi am itu yang